

KERATAN AKHBAR

BAHAGIAN PUSAT SUMBER MAKLUMAT DAN PENERBITAN



JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH MALAYSIA, BLOK C, KOMPLEKS ISLAM PUTRAJAYA
NO. 20 JALAN TUNKU ABDUL RAHMAN, PRESINT 3, 62100 PUTRAJAYA

AKHBAR	SUBJEK	TARIKH
☐ BERITA HARIAN ☐ UTUSAN MALAYSIA ☐ HARIAN METRO ☐ NEW STRAITS TIMES ☐ THE STAR	☐ KAHWIN & CERAI ☐ TUNTUTAN ☐ AKIDAH ☐ JENAYAH SYARIAH ☐ PELBAGAI	
CATATAN		

Oleh Muhammad Saufi Hassan, Mohammad Khairil Ashraf Mohd Khalid dan Noor Hidayah Tanzili
am@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Menyatakan bahawa Nabi Muhammad SAW adalah Tuhan selain giat mempromosikan fahaman songsang di media sosial.

Itu adalah modus operandi satu ajaran yang dikenali sebagai 'ajaran SiHulk' yang sudah difatwakan oleh Majlis Agama Islam Johor sebagai ajaran sesat, menyeleweng dan bertentangan dengan akidah serta syariat Islam.

Antara penyelewengan ajaran sesat itu ialah mendakwa Nabi Muhammad sebagai tuhan, Nabi Muhammad tidak mempunyai jantina, menafsir sendiri sebuah hadis dengan menyatakan Nabi Muhammad tiada kemaluan dan sebagainya.


Terkini, ajaran itu giat menggunakan platform media sosial untuk menyebarkan fahaman mereka dengan pengakuan daripada beberapa individu dipercayai pengikut ajaran itu bahawa Nabi Muhammad SAW adalah Tuhan.

Ajaran sesat yang diasaskan oleh Suhaini Muhammad itu yang kini dipercayai berada di New Zealand namun masih giat mempromosikan dakwah kumpulan berkenaan.

Mufti Pahang Datuk Seri Abdul Rahman Osman berkata, ajaran itu jelas bertentangan dengan kalimah syahadah yang diucapkan umat Islam kerana terdapat kontradiksi yang paling nyata.

SEKAT SiHULK DI MEDIA SOSIAL

Ajaran sesat dakwa Nabi Muhammad SAW sebagai Tuhan beroperasi dari New Zealand



ANTARA video tular beberapa individu dan keluarga mendakwa dan mempercayai Nabi Muhammad SAW adalah Tuhan.

"Dalam kalimah syahadah, kita menyatakan kesaksian bahawa Nabi Muhammad SAW itu adalah pesuruh Allah SWT, maka itu jelas dan menjadi hujah paling kuat bahawa ajaran ini sudah terlalu jauh menyimpang," katanya kepada Harian Metro, semalam.

Beliau berkata, jika orang awam mempunyai sebarang maklumat, boleh menghubungi pihak berkuasa untuk tindakan susulan. Sementara itu Mufti Sabah, Datuk Bungsu @ Aziz Jaafar berkata, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) perlu mengambil tindakan segera bagi menyekat ideologi dan fahaman sesat disebarkan seperti ajaran SiHulk.

"Oleh kerana kebanyakan ajaran sesat sekarang ini disebarkan melalui media sosial, hanya SKMM berhak menapis dan menghalang."

"SKMM kena ambil tindakan segera supaya ideologi dan fahaman sesat itu mesti dapat disekat serta tidak disiarkan atau ditularkan dalam media sosial," katanya kepada Harian Metro.

Terdahulu, menerusi Fatwa Johor yang diwartakan bertarikh 22 Julai 2021 menetapkan ajaran SiHulk adalah ajaran sesat, menyeleweng dan bertentangan akidah, syariat serta akhlak Islam.

Difahamkan, pengikut SiHulk dipercayai membuat rakaman dan memuat naik video ajaran sesat itu ke dalam media sosial dari luar negara, sekali gus menyebarkan ajaran sesat itu.

Terbaru tular di media sosial, video menunjukkan sebuah keluarga yang dipercayai pengikut ajaran sesat SiHulk membuat pengakuan mengakui Nabi Muhammad SAW sebagai Tuhan.

Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) sudah diarahkan untuk bekerjasama rapat dengan Polis Diraja Malaysia (PDRM) serta Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) bagi membanteras ajaran sesat SiHulk yang tular di media sosial sejak kelmarin.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) Datuk Dr Mohd Na'im Mokhtar berkata, pihaknya menerima maklumat mengenai dua video tular yang memaparkan beberapa individu mengeluarkan kenyataan dan ungkapan menyeleweng daripada ajaran Islam.

Menurutnya, individu dalam video itu dipercayai pengikut ajaran yang dibawa oleh Suhaini Muhammad (Sohai Ibnu Muhammad) atau SiHulk dan menyokong fahaman dibawa pihak berkenaan.

"Jawatankuasa Muzakarah

Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia (MKEI) Kali Ke-117 yang bersidang pada 25 hingga 29 Ogos 2020 sudah memutuskan bahawa ajaran dan fahaman SiHulk sebagai sesat, menyeleweng daripada ajaran Islam berdasarkan akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah.

"Seperti yang sedia maklum, tindakan penguatkuasaan adalah di bawah bidang kuasa Jabatan Agama Islam Negeri (Jain), pihak Jakim sudah menyalurkan maklumat mengenai ajaran dan kegiatan kumpulan SiHulk kepada pihak Jain antaranya Jabatan Agama Islam Melaka dan Jabatan Agama Islam Selangor untuk tindakan penguatkuasaan," katanya, semalam.

Jakim diarah kerjasama rapat dengan PDRM, SKMM